

BAB TUJUH

ANALISIS KESILAPAN SISTEM FONETIK DAN FONOLOGI

BAHASA PERANCIS

7.0 PENDAHULUAN

Analisis Kontrastif (AK) dan Analisis Kesilapan (AS) merupakan dua analisis yang sering dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Perkara ini turut ditegaskan oleh R.Ellis:

“...Contrastive Analysis needs to work hand in hand with an Error Analysis”

(1991 : 24)

Setelah dijalankan AK, dirasakan amat perlu AS pula dibuat bagi melengkapkan kajian. Di dalam pembelajaran bahasa asing, kesilapan tidak dapat dielakkan kerana menurut Selinker (1992:150), kesilapan dapat dianggap sebagai suatu alat yang digunakan oleh pelajar di dalam proses pembelajaran mereka. Dalam bab ini, AS akan dijalankan ke atas data-data yang dikumpul daripada 32 orang pelajar Melayu yang sedang mempelajari BP di salah sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Selangor. AS yang akan dijalankan ini diharapkan akan dapat memperlihatkan jenis dan punca kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari sistem sebutan BP.

7.1. KEPUTUSAN UJIAN

Berikut ini adalah keputusan keseluruhan ujian yang telah dijalankan.

7.1.1. Ujian 1

Keputusan Ujian 1 ditunjukkan di dalam jadual-jadual di bawah. Jadual 7.1.1(a) memperlihatkan keputusan ujian diskriminasi bunyi vokal BP. Manakala Jadual 7.1.1(b) pula menunjukkan hierarki kekerapan kesilapan diskriminasi bunyi vokal oleh subjek kajian bermula dengan kesilapan yang paling tinggi kekerapannya kepada kekerapan yang paling rendah.

Jadual 7.1.1(a) : Keputusan Ujian Diskriminasi Bunyi Vokal BP.

Bil	Perkataan	Vokal	Kesilapan	Peratus (%)
19.	boule - bulle	u y	1	3.1
20.	fumée - fumée	y y	0	0
21.	mille - moule	i u	1	3.1
22.	dit - du	i y	0	0
23.	chantait - chanté	ɛ e	21	65.6
24.	pelle - pelle	ɛ ɛ	1	3.1
25.	ce - ces	ə e	2	6.25
26.	repars - repars	ə ə	2	6.25
27.	sel - sale	ɛ a	1	3.1
28.	journée - journée	e e	4	12.5
29.	passer - passer	ɑ ɑ	3	9.4
30.	homme - homme	ɔ ɔ	2	6.25
31.	part - port	a ɔ	0	0
32.	paume - pomme	o ɔ	0	0
33.	cadeau - cadeau	o o	0	0
34.	soeur - sort	œ ɔ	0	0
35.	heure - heure	œ œ	1	3.1
36.	feu - faux	ø o	0	0
19.	veux - veux	ø ø	0	0
20.	grain - graine	ɛ̃ ɛ	3	9.4
21.	cousin - cousin	ɛ̃ ɛ̃	1	3.1

22.	manche	-	manche	ã	ã	1	3.1
23.	chacun	-	chacune	œ	y	3	9.4
24.	blanc	-	blond	ã	õ	1	3.1
25.	commun	-	commun	œ	œ	1	3.1
26.	marron	-	marron	õ	õ	1	3.1

Daripada jadual di atas, didapati bahawa kesilapan paling tinggi yang dilakukan oleh subjek ialah dalam mengenalpasti perbezaan bunyi antara bunyi [ɛ] dan [e] dalam perkataan [ʃãntɛ] dan [ʃãnte]. 65.6% daripada pelajar menandakan bahawa kedua-dua perkataan tersebut mengandungi bunyi vokal yang sama. Kesilapan di dalam membezakan bunyi vokal [ɛ] dan [e] mungkin kerana dalam BM, kedua-dua bunyi tersebut merupakan alofon kepada satu fonem /e/ yang sama yakni kehadiran kedua-duanya tidak membezakan makna perkataan. Sebaliknya kehadiran bunyi-bunyi tersebut dalam BP merupakan dua fonem yang berbeza dan membezakan makna perkataan.

Secara keseluruhannya ujian diskriminasi bunyi-bunyi vokal ini tidak menimbulkan banyak masalah kepada subjek kajian kerana peratusan kesilapan adalah rendah. Keputusan ujian ini memperlihatkan bahawa jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan adalah sebanyak 50 kesilapan daripada 832 jawapan yang betul. Ini bermakna secara keseluruhan, hanya 6% sahaja kesilapan dilakukan oleh subjek di dalam mendiskriminasikan bunyi-bunyi vokal BP. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah yang besar untuk mengenalpasti perbezaan bunyi-bunyi vokal yang diperdengarkan walaupun bunyi-bunyi tersebut tidak terdapat di dalam bahasa ibunda mereka. Secara hierarki, kekerapan kesilapan mendiskriminasi bunyi dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 7.1.1(b) : Hierarki Kesilapan Diskriminasi Bunyi Vokal BP

Bil	Vokal		Kesilapan	Peratus (%)
1.	ɛ	e	21	65.6
2.	e	e	4	12.5
3.	ɑ	ɑ	3	9.4
4.	ẽ	ɛ	3	9.4
5.	œ	y	3	9.4
6.	ə	e	2	6.25
7.	ə	ə	2	6.25
8.	ɔ	ɔ	2	6.25
9.	u	y	1	3.1
10.	i	u	1	3.1
11.	ẽ	ẽ	1	3.1
12.	ɛ	a	1	3.1
13.	œ	œ	1	3.1
14.	ẽ	ẽ	1	3.1
15.	ã	ã	1	3.1
16.	ã	ɔ	1	3.1
17.	œ	œ	1	3.1
18.	õ	õ	1	3.1
19.	y	y	0	0
20.	i	y	0	0
21.	a	ɔ	0	0
22.	o	ɔ	0	0
23.	o	o	0	0
24.	œ	ɔ	0	0
25.	ø	o	0	0
26.	ø	ø	0	0

7.1.2. Keputusan Ujian 2

Keputusan Ujian 2 yang merupakan ujian diskriminasi bunyi konsonan BP ditunjukkan mengikut pasangan bunyi konsonan yang diuji dan kemudiannya ditunjukkan mengikut hierarki kekerapan kesilapan.

Jadual 7.1.2(a) : Keputusan Ujian Diskriminasi Bunyi Konsonan BP.

Pasangan konsonan [p] - [b]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	poisson	p awal kata	0	0
2	blanche	b awal kata	0	0
3	depuis	p tengah kata	5	15.6
4	habiller	b tengah kata	3	9.4
5	robe	b akhir kata	8	25
6	jupes	p akhir kata	10	31.2

Pasangan konsonan [t] - [d]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	trois	t awal kata	0	0
2	danser	d awal kata	0	0
3	cadeau	d tengah kata	7	21.9
4	retire	t tengah kata	2	6.2
5	vite	t akhir kata	2	6.2
6	blonde	d akhir kata	3	9.4

Pasangan konsonan [k] - [g]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	gâteau	g awal kata	2	6.2
2	classe	k awal kata	2	6.2
3	bricoler	k tengah kata	13	40.6
4	égalité	g tengah kata	2	6.2
5	bague	g akhir kata	6	18.8
6	banque	k akhir kata	7	21.9

Pasangan konsonan [f] - [v]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	faire	f awal kata	0	0
2	vase	v awal kata	0	0
3	environ	v tengah kata	6	18.8
4	officier	f tengah kata	3	9.4
5	cave	v akhir kata	5	15.6
6	sauf	f akhir kata	3	9.4

Pasangan konsonan [s] - [z]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	soeur	s awal kata	0	0
2	zut	z awal kata	1	3.1
3	dessous	s tengah kata	3	9.4
4	Asie	z tengah kata	0	0
5	classe	s akhir kata	0	0
6	douze	z akhir kata	0	0

Pasangan konsonan [ʃ] - [ʒ]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	chat	ʃ awal kata	1	3.1
2	geste	ʒ awal kata	4	12.5
3	bouger	ʒ tengah kata	6	18.8
4	marcher	ʃ tengah kata	3	9.4
5	douche	ʃ akhir kata	9	28.1
6	rouge	ʒ akhir kata	6	18.8

Pasangan konsonan [R] - [l]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	rue	R awal kata	3	9.4
2	livre	l awal kata	3	9.4
3	parent	R tengah kata	2	6.2
4	colère	l tengah kata	0	0
5	moule	l akhir kata	2	6.2
6	partir	R akhir kata	2	6.2

Konsonan [m] - [n] - [ɲ]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	gnangnan	ɲ awal kata	3	9.4
2	nouvelle	n awal kata	4	12.5
3	moins	m awal kata	3	9.4
4	amener	m tengah kata	4	15.6
5	unique	n tengah kata	8	25
6	gagner	ɲ tengah kata	8	25
7	crime	m akhir kata	9	28.1
8	campagne	ɲ akhir kata	14	43.8
9	brune	n akhir kata	7	21.9

Konsonan [j] - [w] - [ɥ]

Bil	Perkataan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1	hier	j awal kata	10	31.2
2	huile	ɥ awal kata	30	93.8
3	oiseau	w awal kata	8	25
4	appuyer	ɥ tengah kata	17	53.1
5	payer	j tengah kata	12	37.5
6	bonsoir	w tengah kata	8	25
7	famille	j akhir kata	15	46.9

Keputusan ujian diskriminasi bunyi-bunyi konsonan BP memperlihatkan bahawa subjek kajian menghadapi masalah yang paling besar di dalam mengenalpasti kehadiran bunyi konsonan separuh vokal [j], [w] dan [ɥ] dalam perkataan BP. Daripada 224 kemungkinan jawapan betul, sejumlah 100 kesilapan dilakukan. Di antara ketiga-tiga bunyi konsonan separuh vokal tersebut, kehadiran konsonan separuh vokal [ɥ] pada lingkungan awal kata merupakan konsonan paling sukar untuk dikenal pasti oleh subjek. Sebanyak 93.8% subjek melakukan kesilapan tersebut. Daripada 30 jawapan yang salah, 28 orang subjek atau 87.5% menandakan bahawa bunyi konsonan separuh vokal [ɥ] yang hadir pada awal kata dalam perkataan *huile* sebagai bunyi separuh vokal [w] dan 6.25% lagi menandakannya sebagai bunyi separuh vokal [j]. Subjek kajian juga menghadapi masalah untuk mengenalpasti bunyi separuh vokal [ɥ] pada lingkungan tengah kata. Sebanyak 16 orang subjek menandakan bunyi [ɥ] dalam perkataan *appuyer* sebagai bunyi separuh vokal [j] manakala seorang subjek menandakannya sebagai bunyi separuh vokal [w]. Konsonan separuh [ɥ] menjadi kesulitan kepada subjek kajian berpunca daripada ketidakhadiran bunyi ini dalam sistem fonetik dan fonologi BM. Oleh yang demikian, subjek menanggap bunyi yang hadir itu sebagai sama ada bunyi separuh vokal [w] atau [j] kerana kedua-dua bunyi ini terdapat di dalam sistem bunyi BM.

Selain daripada bunyi [ɥ], kehadiran konsonan separuh vokal [j] pada lingkungan tengah dan akhir kata turut menimbulkan kesulitan kepada subjek. Daripada 32 orang subjek, 12 daripada mereka gagal mengenal pasti kehadiran bunyi tersebut pada lingkungan tengah kata dan 15 daripadanya pula gagal mengenal pasti kehadirannya pada lingkungan akhir kata. Kehadiran konsonan [j] pada lingkungan akhir kata sukar untuk ditanggap oleh

subjek kerana dalam perkataan BM, konsonan tersebut hanya hadir dalam lingkungan awal dan tengah kata. Seramai 11 orang subjek menandakan kehadiran bunyi [j] pada lingkungan akhir tersebut sebagai bunyi [ɥ] dan 4 orang menandakannya sebagai bunyi [w]. Keadaan ini berlawanan dengan apa yang berlaku pada konsonan [ɥ] di atas. Konsonan [j] yang hadir pada lingkungan akhir kata ditafsirkan oleh subjek sebagai bunyi [ɥ] kerana dalam BM konsonan [j] tidak hadir pada lingkungan akhir kata. Ini menunjukkan bahawa sistem yang lebih kompleks akan lebih sukar dikuasai dan boleh menjadi punca kesilapan.

Kehadiran konsonan separuh vokal [j] pada lingkungan tengah kata juga menunjukkan kekerapan yang agak tinggi iaitu sebagai 37.5%. Walaupun konsonan [j] juga hadir pada lingkungan tengah kata dalam BM, namun subjek menghadapi kesulitan untuk mengenal pasti kehadirannya pada tengah kata BP. 34.4 % atau 11 orang subjek menandakan bunyi [j] pada tengah kata sebagai bunyi [ɥ] dan hanya seorang sahaja yang menandakan bunyi tersebut sebagai bunyi [w]. Subjek tidak dapat membezakan cara pengeluaran kedua-dua bunyi separuh vokal tersebut. Mereka menganggap kedua-dua bunyi kelihatan dihasilkan dengan cara yang sama walaupun sebenarnya terdapat perbezaan pada bentuk bibir iaitu [ɥ] lebih bundar daripada [j]. Sistem fonetik BM yang lebih mudah menyebabkan subjek tidak dapat melihat perbezaan tersebut. Ini juga berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh James (1998 : 182) sebagai “*markedness*” dan “*unmarked*” yakni bentuk yang lebih kompleks sukar untuk dikuasai dan akan menyebabkan timbulnya kesilapan.

Selain daripada mengalami kesulitan untuk mengenalpasti bunyi-bunyi separuh vokal, subjek kajian juga menghadapi masalah untuk mengenalpasti kehadiran bunyi konsonan [ŋ] dalam lingkungan akhir kata. Daripada 14 jawapan salah yang diberikan, 50% daripada subjek menandakan bunyi [j] tersebut sebagai bunyi [m] dan 50% lagi menandakannya sebagai bunyi [n]. Kesilapan ini berlaku disebabkan dalam BM, konsonan [ŋ] hanya hadir pada awal dan tengah kata sahaja. Ketidakhadirannya pada lingkungan akhir kata menimbulkan kesulitan kepada subjek untuk menanggapi bunyi tersebut.

Daripada jadual keputusan Ujian 2, kita dapati bahawa bunyi-bunyi konsonan lain tidak menimbulkan masalah yang begitu besar kepada subjek kerana kesilapan yang dilakukan hanyalah di antara 0 hingga 30%. Secara amnya, subjek berupaya mengenalpasti kehadiran bunyi-bunyi konsonan tersebut dalam lingkungan yang berbeza. Kehadiran bunyi-bunyi [p, b, t, d, f, v, s] awal kata, [l, z] tengah kata dan [s, z] akhir kata langsung tidak menimbulkan sebarang masalah kepada subjek kajian kerana tiada sebarang kesilapan dicatatkan. Hierarki kekerapan kesilapan dalam mengenalpasti bunyi-bunyi konsonan BP adalah seperti berikut :

Jadual 7.1.2(b) : Hierarki Kesilapan Diskriminasi Bunyi Konsonan BP

Bil	Konsonan	Posisi Kehadiran Konsonan	Kesilapan	Peratus (%)
1.	ɥ	awal kata	30	93.8
2.	ɥ	tengah kata	17	53.1
3.	j	akhir kata	15	46.9
4.	ɲ	akhir kata	14	43.8
5.	k	tengah kata	13	40.6
6.	j	tengah kata	12	37.5
7.	j	awal kata	10	31.2
8.	p	akhir kata	10	31.2
9.	n	tengah kata	9	28.1
10.	m	akhir kata	9	28.1
11.	S	akhir kata	9	28.1
12.	w	awal kata	8	25
13.	w	tengah kata	8	25
14.	ɲ	tengah kata	8	25
15.	n	akhir kata	8	25
16.	b	akhir kata	8	25
17.	k	akhir kata	7	21.9
18.	d	tengah kata	7	21.9
19.	ʒ	tengah kata	6	18.8
20.	ʒ	akhir kata	6	18.8
21.	v	tengah kata	6	18.8
22.	g	akhir kata	6	18.8
23.	m	tengah kata	5	15.6
24.	v	akhir kata	5	15.6
25.	p	tengah kata	5	15.6
26.	n	awal kata	4	12.5
27.	ʒ	awal kata	4	12.5
28.	ɲ	awal kata	3	9.4
29.	m	awal kata	3	9.4
30.	R	awal kata	3	9.4
31.	l	awal kata	3	9.4
32.	ʃ	tengah kata	3	9.4
33.	s	tengah kata	3	9.4
34.	f	tengah kata	3	9.4
35.	f	akhir kata	3	9.4

36.	d	akhir kata	3	9.4
37.	b	tengah kata	3	9.4
38.	R	tengah kata	2	6.2
39.	l	akhir kata	2	6.2
40.	R	akhir kata	2	6.2
41.	g	awal kata	2	6.2
42.	k	awal kata	2	6.2
43.	g	tengah kata	2	6.2
44.	t	tengah kata	2	6.2
45.	t	akhir kata	2	6.2
46.	ʃ	awal kata	1	3.1
47.	z	awal kata	1	3.1
48.	l	tengah kata	0	0
49.	s	awal kata	0	0
50.	z	tengah kata	0	0
51.	s	akhir kata	0	0
52.	z	akhir kata	0	0
53.	f	awal kata	0	0
54.	v	awal kata	0	0
55.	t	awal kata	0	0
56.	d	awal kata	0	0
57.	p	awal kata	0	0
58.	b	awal kata	0	0

7.1.3. Keputusan Ujian 3

Jadual-jadual berikut menunjukkan keputusan ujian menanggapi bunyi rangkap konsonan BP oleh subjek kajian. Keputusan ujian ditunjukkan mengikut kehadiran rangkap konsonan pada tiga lingkungan kata iaitu pada awal, tengah dan akhir kata BP. Keputusan untuk setiap golongan kata tersebut kemudiannya ditunjukkan hierarki kekerapan kesilapan.

Jadual 7.1.3.1(a) : Keputusan Ujian Rangkap Konsonan Awal Kata

Bil	Rangkap	Perkataan	Variasi jawapan	Kesilapan	Jumlah Kesilapan	Peratus (%)
1	bl	bleu			0	0
2	br	bras	r	3	8	25
			pr	1		
			bl	1		
			dr	2		
			gr	1		
3	pl	place	bl	1	11	34.4
			br	1		
			gl	8		
			cl	1		
4	pr	premier	b	1	6	18.8
			r	3		
			dr	1		
			gu	1		
5	tr	trente	t	4	4	12.5
6	dr	droit	d	2	14	43.4
			tr	12		
7	gr	grande	gl	1	1	3.1
8	gl	glace	bl	1	2	6.2
			gr	1		
9	kl	claire	pl	2	3	9.4
			gl	1		
10	kr	crayon			0	0
11	fr	frère	f	1	5	15.6
			p	1		
			pr	1		
			tr	1		
			kr	1		
12	fl	fleur	pl	1	1	3.1
13	vr	vrai	fr	10	12	37.5
			pr	1		
			br	1		
14	sp	sport			0	0
15	st	stage			0	0
16	sk	score			0	0
17	sl	slogan			0	0
18	skr	scruter	-	1	30	93.8

			sc	18		
			sk	9		
			sq	1		
			sqe	1		
19	str	structure	st	7	7	21.9
20	spl	splendeur	bl	2	8	25
			sl	2		
			sp	3		
			st	1		

Daripada jadual di atas, didapati bahawa rangkap konsonan [skr] yang terdiri daripada tiga bunyi konsonan menjadi masalah paling besar kepada subjek kajian. 93.8% daripada 32 orang subjek kajian telah gagal memberi jawapan yang tepat bagi rangkap tersebut. Antara jawapan-jawapan yang diberikan ialah rangkap **sq*, **sk* dan **sc*. Rangkap *sc* yang diberi oleh subjek boleh dianggap sebagai mewakili bunyi rangkap [sk] kerana dalam BP, huruf c juga mewakili bunyi [k]. Ini bermakna jawapan rangkap *sk* dan *sc* adalah rangkap yang mengalami proses apokop yakni bunyi akhirnya digugurkan. Subjek menganggap bahawa hanya terdapat dua sahaja bunyi konsonan yang hadir dalam rangkap tersebut. Keadaan ini disebabkan dalam BM, rangkap konsonan tidak terdapat dalam perkataan asli BM. Rangkap konsonan [skr] dalam perkataan *scruter* ini juga tidak terdapat dalam perkataan pinjaman BM.

Jadual di atas juga memperlihatkan bahawa selain daripada rangkap [skr], rangkap [dr] dan [vr] turut menimbulkan masalah kepada subjek kajian. Daripada bentuk jawapan yang diberi bagi kedua-dua rangkap tersebut, kita dapat melihat berlaku perubahan fitur-fitur distingtif terhadap konsonan-konsonan tersebut. Contohnya, rangkap [dr] yang terdiri daripada gabungan bunyi konsonan letupan gigi bersuara [d] yang mempunyai fitur

distingtif [+letupan, +gigi, +bersuara] dan konsonan getaran [r] dalam perkataan *droit* telah digantikan dengan rangkap *[tr] yang merupakan gabungan konsonan [t] yang mempunyai fitur distingtif [+letupan, +gigi, -bersuara] dan konsonan getaran [r]. Ini menunjukkan bahawa konsonan letupan bersuara [d] dalam rangkap tersebut telah mengalami proses nyahsuara (*devoice*). Hal ini juga berlaku pada rangkap konsonan [vr] dalam perkataan *vrai* di mana bunyi konsonan geseran dua bibir bersuara [v] [+geseran, +dua bibir, +bersuara] telah digantikan oleh konsonan geseran dua bibir tidak bersuara [f] [+geseran, +dua bibir, -bersuara]. Proses perubahan fitur distingtif ini bukan sahaja berlaku pada fitur bersuara dan tidak bersuara tetapi juga boleh berlaku perubahan pada fitur lain. Dalam rangkap konsonan [pl] dalam perkataan *place*, konsonan letupan dua bibir tidak bersuara [p] [+letupan, +bibir, -bersuara] telah digantikan dengan konsonan letupan lelangit lembut bersuara [g] [+letupan, -bibir, +bersuara] menghasilkan rangkap konsonan *[gl].

Keputusan analisis rangkap konsonan pada lingkungan awal kata menunjukkan bahawa rangkap-rangkap konsonan lain yang terdiri daripada tiga bunyi konsonan seperti [str] dan [spl] tidak begitu menimbulkan masalah kepada subjek kajian kerana rangkap ini sering hadir dalam perkataan-perkataan pinjaman dan juga dalam bahasa Inggeris seperti *straw* dan *split*. Hanya 25% daripada subjek kajian yang mempunyai masalah untuk mengenalpasti kehadiran rangkap-rangkap tersebut. Masing-masing mencatatkan kekerapan kesilapan sebanyak 43.8 dan 37.5 peratus. Kekerapan kesilapan yang rendah bagi rangkap-rangkap [gl], [gr] dan [fl] boleh dianggap bahawa kesilapan yang dilakukan itu lebih merupakan kesalahan yang berlaku akibat kecuaiian subjek dan ini tidak dianggap menjadi masalah di dalam pembelajaran sistem bunyi BP.

**Jadual 7.1.3.1(b) : Hierarki Kekerapan Kesilapan Rangkap
Konsonan Awal Kata.**

Bil	Rangkap	Kesilapan	Peratus (%)
18	skr	30	93.8
6	dr	14	43.8
13	vr	12	37.5
3	pl	11	34.4
2	br	8	25
19	spl	8	25
20	str	7	21.9
11	pr	6	18.8
4	fr	5	15.6
5	tr	4	12.5
9	kl	3	9.4
8	gl	2	6.2
7	gr	1	3.1
12	fl	1	3.1
1	bl	0	0
10	kr	0	0
14	sp	0	0
15	st	0	0
16	sk	0	0
17	sl	0	0

Jadual 7.1.3.2(a) : Keputusan Ujian Rangkap Konsonan Tengah Kata

Bil	Rangkap	Perkataan	Variasi jawapan	Kesilapan	Jumlah Kesilapan	Peratus (%)
1	bl	tableau	d	1	1	3.1
2	br	cobra	-	2	7	21.9
			pr	2		
			vr	1		
			mp	2		
3	pl	complet			0	0
4	pr	après	tr	3	4	12.5
			cr	1		
5	tr	entrer			0	0
6	dr	endroit	t	1	19	59.4
			d	1		
			tr	16		
			tw	1		
7	kl	acclamer	-	1	3	9.4
			lb	1		
			ln	1		
8	kr	écrire	-	1	5	15.6
			c	2		
			r	1		
			qr	1		
9	gr	maigrir	-	1	10	31.2
			g	1		
			l	1		
			ll	1		
			gl	2		
			gh	1		
			gg	1		
			cr	1		
			cl	1		
10	gl	église	-	2	18	56.2
			cr	4		
			cl	2		
			gr	6		
			ge	1		
			ri	2		

			ndu	1		
11	fr	offrir	-	1	10	31.2
			f	3		
			r	2		
			v	1		
			vr	2		
			cr	1		
12	fl	influence	cl	2	2	6.2
13	vr	ouvrir	r	1	6	18.8
			v	4		
			ve	1		
14	sp	espoir	sc	13	20	62.5
			sk	1		
			st	4		
			sv	1		
			sq	1		
			str	1		
			tr	1		
			ces	1		
15	sk	escalier	c	1	1	6.2
16	st	estomac	sr	1	1	3.1
17	str	bistro	sc	2	2	6.2
18	spl	exploiter	sc	4	20	62.5
			sp	5		
			st	1		
			sq	1		
			pl	1		
			po	1		
			xc	1		
			scr	3		
			scl	1		
			sct	1		
			sdr	1		
19	spr	esprit	sp	2	15	50
			st	1		
			sr	2		
			sl	1		
			sc	4		
			cr	1		
			scr	3		
			ser	1		

20	skr	escroc	sc	18	23	71.9
			sr	1		
			sq	1		
			st	1		
			ser	1		
			str	1		

Rangkap konsonan [skr] dalam perkataan *escroc* merupakan rangkap konsonan pada lingkungan tengah kata yang mempunyai kekerapan kesilapan yang paling tinggi. Seramai 23 orang atau 71.9% subjek gagal mengenalpasti kehadiran bunyi rangkap [skr] pada lingkungan tengah kata. Selain daripada rangkap [skr], rangkap-rangkap yang terdiri daripada tiga bunyi konsonan lain seperti [sp] dan [spl] turut menunjukkan kekerapan kesilapan yang tinggi iaitu sebanyak 62.5%. Masalah ini timbul kerana dalam BM, rangkap tersebut tidak hadir pada lingkungan tengah kata. Daripada variasi jawapan yang diberi oleh subjek, kita dapati berlaku pada proses pengguguran salah satu bunyi konsonan pada rangkap tersebut. Rangkap *[sc] merupakan jawapan yang paling banyak diberi bagi mewakili rangkap [skr]. Penyelidik mengandaikan bahawa huruf *c* dalam rangkap *sc* tersebut adalah sebenarnya bagi mewakili bunyi [k] kerana bunyi [k] dalam perkataan BP dieja dengan huruf *c*. Ini bermakna rangkap *sc* sebenarnya adalah mewakili rangkap [sk]. Oleh yang demikian, daripada jawapan tersebut, kita dapat katakan bahawa berlaku proses pengguguran bunyi konsonan akhir [r] dalam rangkap [skr]. Proses ini juga berlaku pada rangkap [spl] dalam perkataan *exploiter*. Bunyi [l] dalam rangkap tersebut digugurkan dan menghasilkan rangkap *[sp] sahaja.

Seperti juga ujian rangkap konsonan pada lingkungan awal kata, kesilapan dalam rangkap konsonan pada tengah kata juga menunjukkan terdapat proses perubahan fitur

distingtif pada jawapan yang diberi oleh subjek. Rangkap [dr] dalam perkataan *endroit* juga mengalami proses yang sama seperti rangkap [dr] pada awal kata, yakni berlaku proses nyahsuara pada konsonan [t] yang terdapat dalam rangkap *[tr] yang merupakan jawapan yang diberikan oleh 16 orang subjek. Proses juga kelihatan pada jawapan yang diberi bagi mewakili rangkap [sp]. Seperti telah dihuraikan di atas, huruf c yang digunakan dalam rangkap *sc* adalah mewakili sebenarnya mewakili bunyi rangkap [sk]. Dalam perkataan *espoir*, rangkap *[sk] yang menggantikan rangkap [sp] menunjukkan bahawa fitur distingtif pada [p] [+letupan, +dua bibir, -bersuara] telah berubah kepada konsonan [k] yang mempunyai fitur [+letupan, +lelangit lembut, -bersuara].

Daripada jadual keputusan ujian di atas, didapati bahawa rangkap konsonan [pl] dan [tr] tidak menimbulkan sebarang masalah kepada semua subjek kajian. Selain daripada rangkap-rangkap tersebut, rangkap [bl], [st], [sk], [fl] dan [str] juga merupakan antara rangkap yang tidak menjadi kesulitan kepada subjek kajian. Kekekapan kesilapan rangkap-rangkap ini hanyalah di antara 3 hingga 6 peratus sahaja. Kesilapan ini juga boleh dianggap sebagai kesalahan yang berlaku yang bukan berpunca daripada kegagalan subjek mengenal bunyi-bunyi tersebut tetapi lebih berkemungkinan berpunca daripada kurang tumpuan atau kecuaiian semasa ujian dijalankan. Subjek-subjek kajian kurang menghadapi masalah berkaitan dengan rangkap-rangkap tersebut kerana ianya terdapat secara meluas di dalam BI yang merupakan bahasa kedua bagi kebanyakan subjek kajian.

Jadual 7.1.3.2(b) : Hierarki Kekerapan Kesilapan Rangkap Konsonan Tengah Kata

Bil	Rangkap	Kesilapan	Peratus (%)
2	skr	23	71.9
1	sp	20	62.5
3	spl	20	62.5
8	dr	19	59.4
4	gl	18	56.2
5	spr	15	50
6	gr	10	31.2
7	fr	10	31.2
9	br	7	21.9
10	vr	6	18.8
11	kr	5	15.6
12	pr	4	12.5
13	kl	3	9.4
14	fl	2	6.2
16	str	2	6.2
15	sk	1	6.2
17	bl	1	3.1
18	st	1	3.1
19	pl	0	0
20	tr	0	0

Jadual 7.1.3.3(a) : Keputusan Ujian Rangkap Konsonan Akhir Kata

Bil	Rangkap	Perkataan	Variasi jawapan	Kesilapan	Jumlah Kesilapan	Peratus (%)
1	bl	meuble	r	1	8	21.9
			l	2		
			ll	2		
			gl	2		
			illr	1		
2	br	libre	r	3	16	50
			v	1		
			bl	1		
			fv	1		

			vb	1		
			vr	9		
3	pl	couple	p	1	17	53.1
			bl	11		
			pr	1		
			tr	2		
			fr	2		
4	tr	entre			0	0
5	dr	cadre	-	1	29	90.6
			v	1		
			r	1		
			rt	1		
			tr	24		
			rtr	1		
6	kt	acte	t	1	18	56.2
			tr	2		
			rc	2		
			rk	1		
			ch	1		
			cr	2		
			ctr	6		
			cout	3		
7	kl	oncle	-	1	20	62.5
			c	1		
			h	1		
			t	3		
			z	1		
			ze	1		
			cr	2		
			gl	1		
			gr	1		
			tr	7		
			tc	1		
			tro	1		
8	kr	sucre	-	1	16	46.9
			c	5		
			k	1		
			p	1		
			it	5		
			ck	1		
			qu	1		

			vr	1		
9	ks	complexe	-	1	7	21.9
			c	2		
			t	2		
			tc	1		
			ss	1		
10	gl	angle	-	1	8	25
			m	2		
			t	3		
			tr	1		
			glai	1		
11	gr	maigre	c	1	21	65.6
			d	1		
			g	5		
			h	1		
			r	1		
			s	2		
			z	1		
			ll	3		
			gl	1		
			tr	5		
12	fr	coffre	-	1	17	53.1
			f	11		
			g	1		
			s	1		
			gr	1		
			fc	2		
13	fl	gifle	-	2	31	96.9
			f	16		
			v	2		
			r	3		
			l	1		
			t	5		
			fr	1		
			ir	1		
14	vr	lèvre	-	1	23	71.9
			v	15		
			f	4		
			ft	1		
			fr	1		
			uv	1		

15	sk	masque	s	1	4	12.5
			x	1		
			scr	1		
			scq	1		
16	st	reste	sr	1	5	15.6
			sq	1		
			str	2		
			stre	1		
17	rd	garde	t	7	27	84.3
			r	3		
			tl	1		
			tr	2		
			th	1		
			rt	8		
			rc	2		
			tu	1		
			ut	1		
			thr	1		
18	rk	marque	x	1	14	43.8
			q	5		
			cr	2		
			cs	1		
			fq	1		
			cq	1		
			sq	1		
			rg	1		
			rch	1		
19	Rt	forte	-	1	13	40.6
			t	2		
			x	1		
			lk	1		
			rk	2		
			rc	1		
			kt	1		
			th	1		
			tr	2		
			qt	1		
20	rl	perle	-	1	18	56.2
			r	5		
			l	2		
			er	1		

			rg	1		
			rr	1		
			rt	4		
			ll	1		
			vr	2		
21	rm	larme	b	1	30	93.8
			f	1		
			m	3		
			r	3		
			t	1		
			v	3		
			x	2		
			mm	1		
			mp	5		
			mb	1		
			rl	1		
			gm	1		
			gu	1		
			rn	1		
			rh	1		
			rt	2		
			qu	1		
			rgh	1		
22	r3	large	s	1	11	34.4
			g	4		
			rj	3		
			rx	1		
			rz	1		
			jh	1		
23	rʃ	marche	g	1	17	53.1
			cg	1		
			ch	2		
			gc	2		
			gh	2		
			rc	1		
			rg	7		
			rks	1		
24	l3	belge	g	1	15	46.9
			l	3		
			ll	5		
			lj	1		

			lz	1		
			nj	2		
			lch	1		
			lkch	1		
25	str	ministre	-	1	8	25
			z	1		
			tr	1		
			st	3		
			mis	1		
			ztr	1		

Jadual di atas menunjukkan bahawa kehadiran rangkap konsonan pada lingkungan akhir kata perkataan-perkataan BP menimbulkan kesulitan yang besar kepada subjek kajian. Daripada 800 jawapan betul, 393 kesilapan dilakukan dalam menanggapi bunyi-bunyi rangkap konsonan pada lingkungan akhir kata. Ini merupakan kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh subjek berbanding dengan bunyi rangkap konsonan pada lingkungan awal dan tengah kata.

Rangkap konsonan pada lingkungan akhir kata yang mempunyai kekerapan kesilapan yang paling tinggi adalah rangkap [fl]. 31 orang atau 96.9% subjek kajian telah gagal memberi jawapan yang betul untuk rangkap tersebut. Kebanyakan jawapan yang diberikan adalah terdiri daripada satu bunyi konsonan sahaja. Seramai 27 orang subjek menganggap bunyi didengar hanya terdiri daripada satu bunyi konsonan sahaja dan 16 daripadanya menanggapi bunyi tersebut sebagai bunyi [f], contohnya perkataan [ʒifl] ditanggapi sebagai *[ʒif]. Ini bermakna berlaku pengguguran satu bunyi konsonan iaitu [l] dalam rangkap [fl] tersebut. Proses ini dinamakan apokop (*apocope*), yakni pengguguran satu bunyi pada hujung kata.

Rangkap konsonan [rm] yang terdapat pada perkataan **lar^{me}** [lɑRm] merupakan rangkap konsonan yang menunjukkan kekerapan kesilapan yang kedua tertinggi. Pelbagai variasi jawapan yang diberi oleh subjek kajian. Sebanyak 18 variasi jawapan yang terdiri daripada satu, dua dan tiga bunyi konsonan diberi oleh subjek. Memandangkan rangkap [rm] ini tidak wujud dalam BM dan BI yang menjadi bahasa rujukan, maka bunyi tersebut ditanggap secara berbeza oleh setiap subjek. 14 orang subjek menanggap bunyi tersebut sebagai satu bunyi konsonan dan 13 lagi menanggapnya sebagai terdiri daripada dua bunyi konsonan. Antara contoh jawapan yang diberikan adalah *lamp, *lamm, *lam, *lar dan *lav.

Selain daripada rangkap [rm], rangkap konsonan [dr] juga menunjukkan kekerapan kesilapan yang tinggi iaitu sebanyak 90.6% atau 29 kesilapan dicatatkan. Sepertimana yang berlaku pada rangkap konsonan pada awal dan tengah kata, rangkap konsonan [dr] pada lingkungan akhir kata dalam perkataan **cadre** juga mengalami proses perubahan fitur distingtif. Daripada 29 kesilapan yang dilakukan, 24 daripadanya merupakan rangkap [tr]. Ini bermakna rangkap [dr] telah mengalami nyahsuara menjadi rangkap [tr]. Rangkap [tr] banyak hadir dalam perkataan-perkataan BI, oleh itu subjek lebih sering didedahkan kepada bunyi rangkap konsonan tersebut daripada rangkap [dr]. Ini juga menjelaskan mengapa rangkap konsonan [tr] dalam perkataan **entre** tidak menimbulkan sebarang masalah kepada subjek. Subjek lebih mudah menanggap bunyi rangkap tersebut kerana ia terdapat dalam BI yang merupakan bahasa rujukan subjek selain BM apabila berhadapan dengan masalah di dalam BP

Rangkap-rangkap [rd], [vr], [fr], [kl] dan [gr] juga merupakan antara rangkap-rangkap konsonan yang menunjukkan kekerapan kesilapan yang tinggi. Daripada keseluruhan 393 jawapan salah, terdapat sebanyak 181 variasi jawapan yang diberikan. Jawapan-jawapan tersebut terdiri daripada satu, dua dan tiga konsonan. Malah terdapat juga subjek yang memberi jawapan sehingga empat bunyi konsonan seperti [lkch] untuk bagi rangkap [lʒ] dalam perkataan *belge* uautu dieja sebagai *belkch. Selain daripada deretan bunyi konsonan, jawapan yang diberikan juga mengandungi bunyi-bunyi vokal dan konsonan seperti *[it] dan *[qu] bagi rangkap [kr] dalam perkataan *sucre*. Kepelbagaian bentuk jawapan yang diberikan ini menunjukkan bahawa subjek kajian gagal untuk menanggapi bunyi rangkap konsonan yang diperdengarkan kepada mereka. Hal ini berpunca daripada ketidakhadiran rangkap-rangkap tersebut sama ada dalam bahasa pertama atau pun bahasa kedua subjek. Oleh yang demikian, subjek tidak mempunyai rujukan dalam mana-mana bahasa yang telah mereka kuasai bagi membantu mereka membuat tanggapan tentang bunyi yang diuji.

Dalam menilai jawapan yang diberikan oleh subjek kajian, penyelidik menerima pakai beberapa jawapan yang mungkin sesuai bagi rangkap-rangkap konsonan tertentu. Contohnya, bagi rangkap [sk] dalam perkataan *masque* jawapan-jawapan yang diberikan seperti *sc* atau *sq* diterima kerana kedua-dua ejaan tersebut mewakili bunyi [sk] dalam BP. Oleh itu, hanya jawapan-jawapan yang dirasakan tidak berkaitan langsung dengan bunyi yang dikehendaki sahaja akan diambil kira di dalam pengiraan kekerapan kesilapan.

Jadual 7.1.3.3(b) : Hierarki Kekerapan Kesilapan Rangkap Konsonan

Akhir Kata

Bil	Rangkap	Kesilapan	Peratus (%)
1	fl	31	96.9
2	rm	30	93.8
3	dr	29	90.6
4	rd	27	84.4
5	vr	23	71.9
8	gr	21	65.6
7	kl	20	62.5
9	kt	18	59.4
10	rl	18	56.2
6	fr	17	53.1
12	pl	17	53.1
13	rS	17	53.1
11	br	16	50
14	kr	16	50
15	l3	15	46.9
16	rk	14	43.8
17	rt	13	40.6
18	r3	11	34.4
20	gl	8	25
21	str	8	25
22	bl	8	25
19	ks	7	21.9
23	st	5	15.6
24	sk	4	12.5
25	tr	0	0

7.1.4. Keputusan Ujian 4

Keputusan ujian pengulangan sebutan perkataan yang mengandungi rangkap vokal BP dapat dilihat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 7.1.4(a) : Keputusan Ujian Sebutan Bunyi Rangkap Vokal

Bil	Perkataan	Bunyi	Variasi bunyi	Kesilapan	Jumlah Kesilapan	Peratus (%)
1	Dites le mot <i>maïs</i> , s'il vous plaît	ai	e	12	12	37.5
2	Dites le mot <i>aéroport</i> , s'il vous plaît	ae	a	5	22	68.8
			e	9		
			ε	8		
3	Dites le mot <i>cacao</i> , s'il vous plaît.	ao	u	9	13	40.6
			a	1		
			aw	3		
4	Dites le mot <i>yaourt</i> , s'il vous plaît.	au	a	2	8	25
			u	6		
5	Dites le mot <i>pays</i> , s'il vous plaît	ei	e	16	21	65.6
			ai	5		
6	Dites le mot <i>créer</i> , s'il vous plaît.	ee	e	13	14	43.8
			i	1		
7	Dites le mot <i>coléoptère</i> , s'il vous plaît.	eo	o	4	5	15.6
			i	1		
8	Dites le mot <i>européen</i> , s'il vous plaît.	eē	i	6	12	37.5
			e	6		
9	Dites le mot <i>clouer</i> , s'il vous plaît.	ue	u	8	11	34.4
			ui	3		
10	Dites le mot <i>brouette</i> , s'il vous plaît.	uε	u	8	12	37.5
			ui	4		
11	Dites le mot <i>cohésion</i> , s'il vous plaît.	oe	he	16	16	50
12	Dites le mot <i>cohabiter</i> , s'il vous plaît.	oa	ha	14	14	43.8

13	Dites le mot <i>coopération</i> , s'il vous plaît.	ɔɔ	ɔ	2	2	6.2
14	Dites le mot <i>Noël</i> , s'il vous plaît.	ɔɛ			0	0
15	Dites le mot <i>coïncidence</i> , s'il vous plaît.	ɔɛ̃	ɔ	1	5	15.6
			ɔin	4		
16	Dites le mot <i>stoïque</i> , s'il vous plaît.	ɔi	ɔ	8	8	25
17	Dites le mot <i>coauteur</i> , s'il vous plaît.	ɔo	o	9	15	46.9
			aw	6		
18	Dites le mot <i>cohue</i> , s'il vous plaît.	ɔy	hu	16	16	50

Keputusan ujian di atas menunjukkan bahawa daripada 576 kemungkinan sebutan yang betul, 206 kesilapan sebutan telah dilakukan. Secara keseluruhannya, kita dapati sebanyak 135 atau 66 peratus daripada kesilapan tersebut memperlihatkan berlaku proses pengguguran salah satu bunyi vokalnya. Daripada jadual di atas, rangkap vokal [æ] menunjukkan kekerapan kesilapan paling tinggi. Seramai 22 orang atau 68.8% subjek gagal menyebut rangkap tersebut dengan tepat. Bagi menggantikan bunyi rangkap vokal tersebut, subjek menggugurkan salah satu bunyi pada rangkap tersebut. Kita dapati bunyi vokal [e] dan [ɛ] digunakan bagi mengujarkan perkataan *aéroport* [æRɔpɔR]. Contohnya, subjek menyebutnya sebagai *[epɔt] dan *[ɛpɔt]. Ini menunjukkan adanya gangguan sebutan daripada BI.

Selain daripada rangkap vokal [ae], keputusan juga menunjukkan bahawa penyebutan rangkap [ei] turut menimbulkan kesulitan yang agak besar kepada subjek. Sebanyak 21 kesilapan dilakukan di dalam penyebutan perkataan *pays* [pei] yang mengandungi rangkap vokal [ei] tersebut. Kebanyakan subjek menggugurkan bunyi vokal kedua [i] menjadikan sebutan perkataan tersebut sebagai *[pe]. Terdapat juga subjek yang menggantikan bunyi vokal pertama [e] dalam rangkap tersebut dengan vokal [a]. Penggantian vokal ini berlaku kerana subjek memindahkan cara sebutan BM ke dalam sebutan BP. Keadaan yang sama juga berlaku di dalam penyebutan rangkap vokal [œ], [Oa] dan [Oy] dalam perkataan *cohésion*, *cohabiter* dan *cohue*. Dalam ketiga-tiga perkataan tersebut, huruf **h** dibunyikan sedangkan dalam BP huruf **h** dalam perkataannya adalah “bisu” yakni tidak dibunyikan. Maka rangkap vokal [œ], [Oa] dan [Oy] diujarkan sebagai *[he], *[ha] dan *[hu].

Secara amnya, kita dapati bahawa ujian ini tidak menunjukkan peratus kesilapan yang begitu tinggi berbanding dengan ujian rangkap konsonan. Ini terjadi kerana subjek terlebih dahulu berpeluang mendengar ujaran-ujaran perkataan-perkataan tersebut dan kemudiannya mengulang menyebutnya. Subjek mengujarkan perkataan-perkataan yang mengandungi bunyi-bunyi rangkap yang diuji dengan berpandukan model ujaran yang didengar. Sekiranya pelajar tidak diperdengarkan dengan sebutan perkataan-perkataan tersebut, kemungkinan besar kekerapan kesilapan akan lebih tinggi. Andaian ini dibuat kerana sistem ejaan yang digunakan untuk mewakili bunyi-bunyi vokal dalam BP amat pelbagai dan ini akan menyebabkan subjek melakukan kesilapan dalam penyebutan rangkap-rangkap tersebut.

Jadual 7.1.4(b) Hierarki Kekerapan Kesilapan Sebutan Bunyi
Rangkap Vokal

Bil	Bunyi	Kesilapan	Peratus (%)
1.	ae	22	68.8
2.	ei	21	65.6
3.	oy	16	50
4.	oe	16	50
5.	oo	15	46.9
6.	ee	14	43.8
7.	oa	14	43.8
8.	ao	13	40.6
9.	ai	12	37.5
10.	ue	12	37.5
11.	eē	12	37.5
12.	ue	11	34.4
13.	au	8	25
14.	oi	8	25
15.	oē	5	15.6
16.	eo	5	15.6
17.	oo	2	6.2
18.	oe	0	0

7.1.5. Keputusan Ujian 5

Berikut adalah keputusan ujian pengeluaran bunyi-bunyi vokal BP oleh subjek kajian.

Jadual 7.1.5(a) : Keputusan Ujian Pengeluaran Bunyi Vokal BP

Bil	Perkataan	Bunyi	Variasi bunyi yang dihasilkan	Kesilapan	Jumlah Kesilapan	Peratus (%)
1.	Dites le mot <i>vie</i> , s'il vous plaît.	[i]			0	0
2.	Dites le mot <i>rue</i> , s'il vous plaît.	[y]	u	27	27	84.4
3.	Dites le mot <i>mille</i> , s'il vous plaît.	[i]			0	0
4.	Dites le mot <i>vue</i> , s'il vous plaît.	[y]	u	25	25	78.1
5.	Dites le mot <i>pour</i> , s'il vous plaît.	[u]	o	7	15	46.8
			ɔ	5		
			ə	5		
6.	Dites le mot <i>sous</i> , s'il vous plaît.	[u]	o	6	6	18.8
7.	Dites le mot <i>ski</i> , s'il vous plaît.	[i]			0	0
8.	Dites le mot <i>vous</i> , s'il vous plaît.	[u]	ɔ	1	1	3.1
9.	Dites le mot <i>une</i> , s'il vous plaît.	[y]	i	5	23	71.8
			u	18		
10.	Dites le mot <i>père</i> , s'il vous plaît.	[ɛ]	i	3	5	15.6
			ə	2		
11.	Dites le mot <i>fête</i> , s'il vous plaît.	[ɛ]	e	2	3	9.4
			i	1		
12.	Dites le mot <i>belle</i> , s'il vous plaît.	[ɛ]	a	1	1	3.1
13.	Dites le mot <i>nez</i> , s'il vous plaît.	[e]	ɛ	12	14	43.8
			ə	2		

14.	Dites le mot <i>chez</i> , s'il vous plaît.	[e]	ε	13	15	46.8
			ə	2		
15.	Dites le mot <i>les</i> , s'il vous plaît.	[e]	ε	10	12	37.5
			ə	2		
16.	Dites le mots <i>pas</i> , s'il vous plaît.	[ɑ]	e	2	2	6.2
17.	Dites le mot <i>casse</i> , s'il vous plaît.	[ɑ]	ε	7	7	21.9
18.	Dites le mot <i>basse</i> , s'il vous plaît.	[ɑ]	e	3	8	25
			ε	5		
19.	Dites le mot <i>femme</i> , s'il vous plaît.	[a]	ε	11	11	34.4
20.	Dites le mot <i>sale</i> , s'il vous plaît.	[a]	ε	3	3	9.4
21.	Dites le mot <i>mal</i> , s'il vous plaît.	[a]			0	0
22.	Dites le mot <i>que</i> , s'il vous plaît.	[ə]	i	5	8	25
			u	3		
23.	Dites le mot <i>me</i> , s'il vous plaît.	[ə]	a	2	4	12.5
			a	2		
24.	Dites le mot <i>le</i> , s'il vous plaît.	[ə]	ε	2	2	6.2
25.	Dites le mot <i>chaud</i> , s'il vous plaît.	[o]	ɔ	16	17	53.1
			ə	1		
26.	Dites le mot <i>peau</i> , s'il vous plaît.	[o]	ə	10	20	62.5
			u	8		
			eu	2		
27.	Dites le mot <i>beau</i> , s'il vous plaît.	[o]	ə	4	17	53.1
			u	11		
			eu	2		
28.	Dites le mot <i>fort</i> , s'il vous plaît.	[ɔ]	o	5	5	15.6
29.	Dites le mot <i>pomme</i> , s'il vous plaît.	[ɔ]	o	5	5	15.6
30.	Dites le mot <i>homme</i> , s'il vous	[ɔ]	o	1	1	3.1

	plaît.					
31.	Dites le mot <i>fleur</i> , s'il vous plaît.	[œ]	ə	22	28	87.5
			u	2		
			o	4		
32.	Dites le mot <i>boeuf</i> , s'il vous plaît.	[œ]	ə	9	27	84.4
			i	1		
			u	5		
			o	3		
			ɔ	9		
33.	Dites le mot <i>meuble</i> , s'il vous plaît.	[œ]	ə	20	24	75
			e	2		
			o	1		
			ɛ	1		
34.	Dites le mot <i>feu</i> , s'il vous plaît.	[ø]	u	7	26	81.2
			ə	18		
			y	1		
35.	Dites le mot <i>deux</i> , s'il vous plaît.	[ø]	u	2	23	71.9
			ə	20		
			i	1		
36.	Dites le mot <i>ceux</i> , s'il vous plaît.	[ø]	ə	17	24	75
			u	2		
			o	4		
			y	1		
37.	Dites le mot <i>montre</i> , s'il vous plaît.	[ɔ]	o	5	5	15.6
38.	Dites le mot <i>main</i> , s'il vous plaît.	[ɛ̃]	aŋ	6	22	68.8
			ɛ	13		
			a	3		
39.	Dites le mot <i>un</i> , s'il vous plaît.	[œ]	a	7	25	78.1
			u	8		
			aŋ	10		
40.	Dites le mot <i>pain</i> , s'il vous plaît.	[ɛ̃]	aŋ	8	22	68.8
			eŋ	2		
			a	5		
			e	7		

41.	Dites le mot <i>dans</i> , s'il vous plaît.	[ɑ̃]	aŋ	6	6	18.8
42.	Dites le mot <i>brun</i> , s'il vous plaît.	[œ]	u	18	28	87.5
			a	2		
			aŋ	8		
43.	Dites le mot <i>long</i> , s'il vous plaît.	[ɔ̃]	o	5	5	15.6
44.	Dites le mot <i>jeun</i> , s'il vous plaît.	[œ]	u	11	26	81.2
			ə	5		
			oŋ	10		
45.	Dites le mot <i>temps</i> , s'il vous plaît	[ɑ̃]	e	1	12	37.5
			o	10		
			ə	1		
46.	Dites le mot <i>mien</i> , s'il vous plaît	[ɛ̃]	ɛ	3	11	34.4
			ə	3		
			aŋ	5		
47.	Dites le mot <i>quand</i> , s'il vous plaît	[ɑ̃]	an	8	23	71.9
			aŋ	10		
			uan	5		
48.	Dites le mot <i>sont</i> , s'il vous plaît	[ɔ̃]	ɔ	4	6	18.8
			ɔŋ	2		

Jadual 7.1.5(b) :Jumlah Keseluruhan Kesilapan Pengeluaran Bunyi Vokal

Bil	Vokal	Jumlah Kesilapan (96)	Purata Kesilapan	Peratus (%)
1	i	0	0	0
2	e	41	13.7	42.7
3	ɛ	9	3	9.4
4	a	14	4.7	14.6
5	y	75	25	78.1
6	ø	73	24.3	76
7	œ	79	26.3	82.3

8	ə	14	4.7	14.6
9	u	22	7.3	22.9
10	o	54	18	56.3
11	ɔ	11	3.7	11.4
12	ɑ	17	5.7	17.7
13	ɛ̃	55	18.3	57.3
14	œ̃	79	26.3	82.3
15	õ	16	5.3	16.7
16	ã	41	13.7	42.7

Keputusan ujian di atas menunjukkan bahawa subjek mengalami masalah yang agak ketara di dalam pengeluaran bunyi vokal BP kerana peratus kesilapan yang ditunjukkan dalam jadual agak tinggi. Daripada 1536 ujaran bunyi-bunyi vokal yang betul, sebanyak 600 daripadanya merupakan sebutan yang salah. Bunyi-bunyi vokal yang hanya terdapat dalam sistem fonetik BP iaitu bunyi [y], [ø], [œ], [œ̃], [ɛ̃] dan [ã] merupakan antara bunyi-bunyi vokal yang menunjukkan kekerapan kesilapan yang tinggi. Kekerapan kesilapan yang dilakukan bagi bunyi-bunyi tersebut adalah di antara 42 % hingga 82 %.

Memandangkan jumlah bunyi vokal dalam BM adalah lebih sedikit berbanding dengan bunyi-bunyi vokal BP, maka subjek memindahkan cara sebutan bunyi vokal BM apabila mengujarkan perkataan-perkataan BP. Bunyi-bunyi vokal yang dihasilkan bagi menggantikan bunyi vokal BP terdiri daripada bunyi vokal yang hampir sama kedudukan lidah dan cara sebutannya. Contohnya, bunyi vokal [œ] yang merupakan bunyi vokal depan bundar separuh sempit diganti oleh bunyi vokal tengah [ə] dan vokal belakang bundar [u], [o] dan [ɔ] dalam perkataan *fleur*, *boeuf* dan *meuble*. Contohnya seramai 28 orang subjek

menyebut perkataan *fleur* [flœR] sebagai *[flə], 20 orang menyebut perkataan *meuble* [mœbl] sebagai *[mœble] dan seramai 9 orang menyebut perkataan *boeuf* [bœf] sebagai *[bof] dan *[bœf].

Bunyi vokal yang menunjukkan kekerapan kesilapan yang paling tinggi adalah di dalam pengeluaran bunyi vokal [œ]. Daripada jumlah keseluruhan, sebanyak 79 kali atau 82.3% kesilapan dilakukan oleh subjek kajian di dalam menghasilkan bunyi tersebut. Kebanyakan subjek menggantikan bunyi vokal ini sama ada dengan bunyi vokal tengah neutral [ə] atau vokal belakang [u] dan [o]. Selain daripada bunyi vokal oral [œ], vokal nasal [œ̃] juga menjadi masalah yang besar kepada para subjek kajian. Bunyi vokal ini tidak hadir dalam BM, maka subjek menghadapi kesulitan di dalam menanggapi dan mengujarkannya.

Bunyi-bunyi vokal oral [u], [a] dan [aŋ] pula merupakan bunyi yang sering digunakan oleh subjek apabila mengujarkan perkataan-perkataan yang mengandungi bunyi vokal nasal [œ̃]. Contohnya, perkataan *brun* [brœ̃] disebut oleh kebanyakan subjek sebagai *[bRu], *[bRaŋ] atau *[bRa], perkataan *jeun* [ʒœ̃n] disebut sama ada sebagai *[dʒu], *[dʒoŋ] atau *[dʒœn] dan perkataan *un* [œ̃] disebut sebagai *[aŋ], *[un] dan *[an]. Subjek sebenarnya menyedari bahawa terdapat ciri nasal pada bunyi vokal tersebut. Bagi menghasilkan ciri nasal tersebut, mereka telah menambahkan bunyi konsonan nasal seperti [n] dan [ŋ] selepas bunyi vokal. Ini dapat dilihat dalam variasi bunyi yang dihasilkan

apabila mengujarkan perkataan yang mengandungi vokal nasal BP seperti vokal nasal [ã], [ã̃], [õ] dan [ẽ].

Dalam analisis yang dijalankan ini, sebutan bunyi vokal belakang [ɑ] dan vokal depan [ɑ̃] tidak dibezakan. Sekiranya terdapat subjek yang menyebut perkataan yang mengandungi bunyi vokal [ɑ] dengan bunyi vokal [ɑ], sebutan itu tidak dikira sebagai kesilapan. Pertimbangan ini dibuat kerana dalam sistem fonetik BP moden, bunyi [ɑ] secara beransur-ansur telah digantikan dengan bunyi [ɑ]. (Abry & Chalaron, 1994:21) Perbezaan sebutan antara kedua-dua vokal tersebut juga amat sukar untuk ditentukan. Memandangkan makna perkataan masih boleh difahami jika sekiranya perkataan yang mengandungi bunyi [ɑ] diujar dengan bunyi [ɑ], maka bunyi tersebut tidak dikira sebagai kesilapan. Oleh yang demikian, bagi penyebutan perkataan yang mengandungi bunyi [ɑ], kesilapan hanya dikira apabila bunyi dihasilkan adalah selain daripada bunyi [ɑ].

Daripada jadual keputusan ujian di atas juga, didapati bahawa selain daripada bunyi-bunyi vokal yang tidak terdapat di dalam BM, subjek juga menghadapi masalah di dalam pengeluaran bunyi-bunyi vokal yang juga hadir dalam sistem bunyi bahasa BM. Keadaan ini berlaku bukan disebabkan subjek tidak berupaya mengeluarkan bunyi-bunyi vokal tersebut tetapi disebabkan oleh sistem ejaan BP. Pelbagai bentuk ejaan digunakan bagi mewakili sesuatu bunyi vokal dalam BP. Subjek cuba mengujarkan sesuatu perkataan mengikut ejaannya. Ini menjelaskan mengapa kesilapan yang ditunjukkan oleh keputusan ujian agak tinggi. Daripada jadual keputusan ujian juga dapat dilihat bahawa subjek kajian

tidak menghadapi masalah di dalam pengeluaran bunyi vokal [i]. Disebabkan hanya huruf *i* digunakan untuk mewakili bunyi vokal [i] maka subjek tidak menghadapi masalah untuk menghasilkan bunyi vokal tersebut dengan tepat.

Jadual 7.1.5(c) : Hierarki Kekerapan Kesilapan Pengeluaran Bunyi Vokal

Bil	Vokal	Jumlah Kesilapan (96)	Peratus (%)
1	æ	79	82.3
2	ǣ	79	82.3
3	y	75	78.1
4	ø	73	76
5	ē	55	57.3
6	o	54	56.3
7	e	41	42.7
8	ǣ	41	42.7
9	u	22	22.9
10	α	17	17.7
11	ō	16	16.7
12	a	14	14.6
13	ə	14	14.6
14	ɔ	11	11.4
15	ε	9	9.4
16	i	0	0

7.1.6. Keputusan Ujian 6

Jadual 7.1.6(a) : Keputusan Sebutan Bunyi Konsonan Yang Tidak Terdapat Dalam BM

Bil	Perkataan	Bunyi kata	Variasi bunyi yang dihasilkan		Jumlah Kesilapan	Peratus %
1	Dites le mot <i>huit</i> , s'il vous plaît.	ɥ awal kata	ui	23	25	78.1
			u	2		
2	Dites le mot <i>pluie</i> , s'il vous plaît.	ɥ akhir kata	ui	12	25	78.1
			u	13		
3	Dites le mot <i>bruitage</i> , s'il vous plaît.	ɥ tengah kata	ui	6	24	75
			u	18		
4	Dites le mot <i>visage</i> , s'il vous plaît.	ʒ akhir kata	-	0	0	0
5	Dites le mot <i>jamais</i> , s'il vous plaît.	ʒ awal kata	dʒ	9	9	28.1
6	Dites le mot <i>bouger</i> , s'il vous plaît.	ʒ tengah kata	z	3	3	9.37
7	Dites le mot <i>ranger</i> , s'il vous plaît.	R awal kata	r	1	1	3.12
8	Dites le mot <i>porter</i> , s'il vous plaît.	R tengah kata	r	2	2	6.25
9	Dites le mot <i>gare</i> , s'il vous plaît.	R akhir kata	-	5	5	15.62

Keputusan Ujian 6 di atas menunjukkan bahawa subjek kajian menghadapi kesulatan di dalam penyebutan bunyi-bunyi konsonan [ɥ] yang hadir dalam perkataan BP.

Konsonan ini hanya hadir dalam sistem bunyi BP. Kesilapan yang paling tinggi dilakukan adalah di dalam pengeluaran bunyi separuh vokal [ɥ] pada lingkungan awal dan akhir kata iaitu sebanyak 78.1%. Penyebutan bunyi separuh vokal [ɥ] [ada lingkungan tengah kata juga menunjukkan kekerapan kesilapan yang tinggi iaitu sebanyak 75%. Memandangkan bunyi konsonan separuh vokal [ɥ] dalam perkataan BP diwakili oleh huruf *ui*, maka subjek mengujarkannya dengan mengikut ejaannya, yakni disebut sebagai rangkap vokal [ui]. Contohnya, perkataan *huit* [ɥit] disebut sebagai *[huit], perkataan *pluie* [plɥi] disebut sebagai *[plui] dan perkataan *bruitage* [bRɥitaʒ] disebut sebagai *[bruitaʒ]. Ini bermakna subjek memindahkan sistem sebutan BM ke dalam BP bagi memudahkan penyebutan bunyi yang tidak terdapat dalam BM. Selain daripada menyebut mengikut ejaan, berlaku pengguguran satu bunyi vokal dalam ejaan perkataan tersebut. Perkataan-perkataan *huit*, *pluie* dan *bruitage* disebut sebagai *[jut], *[plu] dan *[brutaʒ].

Bagi bunyi konsonan [ʒ] pula, kehadirannya pada lingkungan awal kata lebih menimbulkan kesulitan kepada subjek berbanding dengan kehadirannya pada lingkungan tengah dan akhir kata. Subjek menyebut perkataan yang mengandungi bunyi [ʒ] dalam perkataan *jamais* disebut sebagai *[dʒamɛ] mengikut ejaannya iaitu dengan bunyi *[dʒ] kerana bunyi tersebut diwakili oleh huruf *j*. Ini juga menunjukkan adanya pemindahan sistem sebutan perkataan BM ke dalam BP.

Manakala bagi bunyi konsonan [R] pula, subjek tidak begitu menghadapi masalah untuk mengujarkannya kerana dalam sistem fonetik BM ada bunyi yang hampir sama dengan bunyi tersebut iaitu bunyi konsonan [r]. Malah dalam sesetengah dialek daerah

yang dituturkan di Malaysia, terdapat bunyi [R] digunakan sebagai variasi kepada bunyi [r]. Daripada keputusan, kita dapati bahawa kekerapan kesilapan penyebutan konsonan [R] di akhir kata lebih tinggi berbanding dengan pada lingkungan awal dan tengah kata kerana dalam BM, bunyi konsonan [r] pada akhir kata biasanya digugurkan. Contohnya dalam BM, konsonan [r] dalam perkataan *besar* disebut sebagai [bəsa]. Jadi, apabila menyebut perkataan BP yang mengandungi bunyi [R] di akhir kata, terdapat subjek yang menggugurkan bunyi tersebut, contohnya perkataan *gare* [gaR] disebut sebagai *[ga].

Jadual 7.1.6(b) : Hierarki kekerapan kesilapan Sebutan Konsonan Yang Tidak Terdapat Dalam BM

Bil	Bunyi	Kesilapan	Peratus %
1	ɥ akhir kata	25	78.1
2	ɥ awal kata	25	78.1
3	ɥ tengah kata	24	75
4	ʒ awal kata	9	28.1
5	R akhir kata	5	15.6
6	R tengah kata	3	9.4
7	ʒ tengah kata	2	6.25
8	R awal kata	1	3.1
9	ʒ akhir kata	0	0

7.1.7. Keputusan Ujian 7

Jadual 7.1.7(a): Keputusan Sebutan Konsonan [ŋ] Dalam Perkataan BP

Bil	Ayat	Bunyi	Kesilapan	Peratus (%)	Purata (%)
1	Qu'est-ce qu'il est <u>gnangnan</u> !	ŋ awal kata	3	9.4	8.3
2	C'est de la <u>gnognote</u> !	ŋ awal kata	4	12.5	
3	Il a pris un <u>gnon</u> .	ŋ awal kata	1	3.1	
4	Vous avez <u>gagné</u> le concours.	ŋ tengah kata	8	25	14.6
5	Je dois <u>accompagner</u> une amie à la gare.	ŋ tengah kata	3	9.4	
6	Il va <u>signer</u> le contrat de mariage demain.	ŋ tengah kata	3	9.4	
7	Mes parents travaillent en <u>Espagne</u> .	ŋ akhir kata	25	78.1	83.3
8	Elles se <u>baignent</u> .	ŋ akhir kata	27	84.4	
9	Ils vivent dans la <u>montagne</u> .	ŋ akhir kata	28	87.5	

7.1.7(b) : Keputusan Sebutan Bunyi Konsonan [j] Dalam Perkataan BP

Bil	Ayat	Bunyi	Kesilapan	Peratus (%)	Purata (%)
1	Il a copié un texte sans changer un <u>iota</u> .	j awal kata	6	18.8	22.9
2	Il est venu chez moi <u>hier</u> .	j awal kata	14	43.8	
3	J'aime le <u>yaourt</u> .	j awal kata	2	6.2	
4	C'est le <u>mien</u> .	j tengah kata	2	6.2	3.12

5	<u>Asseyez</u> -vous ici.	j tengah kata	1	3.1	
6	<u>Soyez</u> patiente.	j tengah kata	0	0	
7	Ma <u>fil</u> le est à l'école en ce moment.	j akhir kata	32	100	93.8
8	Je me <u>réve</u> ille à six heures.	j akhir kata	30	93.8	
9	Elle est de la <u>fam</u> ille.	j akhir kata	28	87.5	

Keputusan ujian pengeluaran bunyi-bunyi konsonan [ɲ] dan [j] di atas menunjukkan bahawa kehadiran konsonan-konsonan ini pada lingkungan yang berbeza boleh menimbulkan masalah kepada subjek-subjek kajian. Kehadiran konsonan [j] pada lingkungan akhir kata merupakan masalah paling besar yang dihadapi oleh subjek kajian. Secara purata, 93.8 % kesilapan dilakukan di dalam menghasilkan bunyi tersebut. Memandangkan konsonan [j] tidak hadir dalam sistem fonetik dan fonologi BM, maka subjek menghadapi masalah untuk mengeluarkan bunyi tersebut. Bunyi [j] pada akhir kata disebut sama ada sebagai bunyi [l] atau pun digugurkan terus. Contohnya, perkataan *fil*le [fij] disebut sama ada sebagai bunyi [l] atau pun digugurkan terus. Contohnya, perkataan *réve*ille [Reveɛj] disebut sebagai *[revel] atau *[reve] dan perkataan *fil*le [fij] disebut sebagai *[fil] atau [fi]. Ini berlaku kerana perkataan-perkataan yang mengandungi konsonan [j] pada akhir kata tersebut dieja dengan menggunakan huruf *l* sedangkan dalam BM bunyi [j] diwakili oleh huruf *y*.

Pengeluaran bunyi konsonan [ɲ] pada lingkungan akhir pula menunjukkan kekerapan kesilapan yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 83.3% atau 80 kesilapan dilakukan daripada 96 jawapan betul. Ketidakhadiran bunyi konsonan tersebut pada lingkungan akhir

kata menjadi punca masalah ini. Dalam BM, konsonan [ɲ] hanya hadir pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Bunyi konsonan [ɲ] tersebut digantikan dengan bunyi [ŋ] kerana dalam BM, konsonan [ɲ] dapat hadir pada lingkungan akhir kata dan tambahan pula ejaannya yang mewakili bunyi [ɲ] dalam BP hampir sama dengan ejaan yang mewakili bunyi [ŋ] dalam BM. Selain daripada menggantikan dengan bunyi [ŋ], terdapat juga subjek yang menambahkan bunyi vokal selepas bunyi [ɲ] tersebut yang menjadikannya hadir pada lingkungan tengah kata. Ini bermakna berlaku proses perubahan konsonan yakni daripada konsonan sengau lelangit keras [ɲ] kepada konsonan sengau lelangit lembut [ŋ].

Kehadiran bunyi konsonan [j] pada lingkungan awal kata menunjukkan kekerapan kesilapan yang ketiga tertinggi iaitu sebanyak 22.9%. Kesilapan berlaku bukan disebabkan subjek kajian tidak berupaya menghasilkan bunyi tersebut tetapi berpunca daripada ejaan yang digunakan untuk mewakili bunyi konsonan tersebut. Didapati bahawa subjek melakukan kesilapan yang tinggi apabila bunyi tersebut dieja dengan cara yang berbeza dengan BM. Contohnya perkataan *hier* dieja dengan huruf *h* sedangkan dalam BM bunyi [j] dieja dengan huruf *y*. Ini juga menjelaskan mengapa kehadiran konsonan [j] pada awal kata dalam perkataan *yaourt* kurang menimbulkan masalah kepada subjek berbanding dengan perkataan *hier*. Keadaan yang sama juga dapat dikaitkan dengan kesilapan di dalam pengeluaran bunyi [ɲ] pada awal dan tengah kata.

**Jadual 7.1.7(c) : Hierarki Kekekrapan Kesilapan Sebutan Bunyi
Konsonan BP Pada Lingkungan Berbeza**

Bil	Bunyi	Kesilapan (96)	Peratus (%)
1	j akhir kata	90	93.8
2	ɲ akhir kata	80	83.3
3	j awal kata	22	22.9
4	ɲ tengah kata	14	14.6
5	ɲ awal kata	8	8.3
6	j tengah kata	3	3.1

7.2. PERBINCANGAN

Ujian-ujian yang dijalankan telah memperlihatkan beberapa kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar Melayu di dalam mendengar, menanggapi, mendiskriminasi dan mengeluarkan bunyi-bunyi BP. Mengikut pendapat ahli-ahli AS, kekekrapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ketika membuat ujian-ujian yang disediakan dianggap sebagai indeks darjah kesulitan yang dihadapi. Semakin tinggi peratus kekekrapan kesilapan ditunjukkan maka semakin besar kesulitan yang dihadapi oleh pelajar.

Daripada ketujuh-tujuh ujian yang telah dijalankan, didapati bahawa ujian-ujian yang melibatkan bunyi rangkap konsonan telah menunjukkan peratusan kesilapan yang tinggi. Kesilapan yang paling kerap ditunjukkan di dalam Ujian 3(c), iaitu ujian mengisi tempat kosong dengan rangkap konsonan akhir kata yakni di antara 15 hingga 96.9 peratus. Daripada 25 rangkap konsonan yang diuji, hanya rangkap [tR] sahaja yang tidak menimbulkan masalah kepada semua subjek kajian. Selain daripada rangkap konsonan akhir kata, rangkap konsonan awal dan tengah kata juga memperlihatkan kekekrapan

kesilapan yang tinggi. Kesilapan paling tinggi bagi rangkap konsonan awal kata adalah sebanyak 93.8 %, manakala rangkap konsonan tengah kata pula mencatatkan kesilapan paling tinggi sebanyak 71.9%.

Kehadiran rangkap konsonan pada lingkungan akhir kata menjadi masalah yang besar kepada subjek kajian kerana dalam BM rangkap konsonan tidak pernah hadir pada lingkungan tersebut. Ini menunjukkan bahawa kesulitan yang dihadapi oleh subjek berpunca daripada sistem bahasa sasaran yang lebih rumit daripada bahasa pertama. Daripada keputusan ujian, didapati bahawa kehadiran rangkap konsonan pada lingkungan awal kata tidak begitu menimbulkan masalah kepada subjek walaupun dalam BM rangkap konsonan asli tidak hadir pada lingkungan awal kata, kerana mereka telah biasa terdedah kepada rangkap tersebut di dalam BI. Di sini dapat dilihat bahawa subjek beralih kepada bahasa kedua sebagai rujukan. Selain itu, dalam BM, rangkap konsonan ini juga kadangkadangkang terbentuk hasil daripada pengguguran vokal tertentu dalam keadaan pertuturan secara cepat.

Daripada jawapan-jawapan yang diberikan, dapat dirumuskan terdapat beberapa proses yang telah berlaku di dalam menghasilkan jawapan-jawapan tersebut. Antara proses yang jelas berlaku adalah proses pengguguran salah satu bunyi konsonan dalam rangkap konsonan yang diuji. Contohnya, dalam perkataan *lar^{me}* bunyi [rm] telah digugurkan salah satu daripadanya. Jawapan yang diberikan sama ada sebagai *lar atau *lam. Selain daripada proses pengguguran, proses perubahan fitur distingtif konsonan juga berlaku. Contohnya rangkap [br] dalam perkataan *lib^{re}* telah berubah daripada konsonan plosif + getaran kepada konsonan geseran + getaran [vr]. Terdapat subjek yang menggantikan rangkap [br] dengan rangkap [vr] menjadikan perkataan *lib^{re}* [libR] ditanggap sebagai *[livR].

Variasi jawapan yang diberi juga menunjukkan terdapat proses penambahan bunyi vokal pada rangkap konsonan. Penambahan ini berlaku di tengah dan akhir rangkap yang diuji. Ini dapat dilihat dalam rangkap [kt] dalam perkataan *acte* [akt]. Terdapat subjek yang menyisipkan bunyi vokal [ou] pada tengah rangkap tersebut. Di samping itu, terdapat juga subjek yang menambahkan bunyi vokal pada akhir rangkap konsonan. Contohnya dalam perkataan *angle* [ãgl], rangkap [gl] telah ditambahkan dengan huruf vokal **ai** di akhirnya menjadikannya rangkap *[glai].

Keputusan ini menunjukkan bahawa ramalan masalah yang telah dibuat dalam AK yang mengatakan bahawa pelajar Melayu berkemungkinan menghadapi masalah berkaitan dengan rangkap konsonan BP adalah tepat. Masalah ini perlu diberi perhatian kerana kesilapan di dalam mengujarkan bunyi-bunyi ini boleh membawa kepada salah pemahaman makna perkataan tersebut. Contohnya sekiranya perkataan *libre* [libr] disebut sebagai *[livr], ianya akan mengubah makna perkataan tersebut yang bermaksud “lapang” menjadi maksud “buku”.

Namun begitu, ramalan yang dibuat dalam Bab 6 berhubung dengan rangkap vokal adalah kurang tepat. Diramalkan bahawa pelajar Melayu juga akan menghadapi masalah yang besar untuk mengujarkan perkataan BP yang mengandungi rangkap vokal. Daripada keputusan Ujian 4, didapati bahawa kekerapan kesilapan yang dilakukan adalah agak rendah iaitu di antara 6.2 hingga 50 peratus. Keadaan ini mungkin berlaku kerana dalam ujian ini subjek diminta mengulang menyebut ayat-ayat selepas mendengar rakaman ujaran penutur asli BP. Ini bermakna subjek mengujarkan bunyi-bunyi tersebut berpandukan

model sebutan yang didengar dan tidak dipengaruhi oleh sistem ejaan perkataan-perkataan tersebut.

Selain daripada rangkap konsonan, ramalan yang dibuat berkaitan pengeluaran bunyi-bunyi vokal juga agak tepat. Dalam Bab 6 telah diramalkan bahawa pelajar Melayu akan menghadapi kesukaran untuk mengujarkan bunyi-bunyi vokal yang tidak terdapat di dalam BM. Keadaan ini dapat dilihat melalui keputusan Ujian 5 yang menunjukkan bahawa peratus kesilapan sebutan bunyi-bunyi vokal yang hanya terdapat dalam BP adalah tinggi. Namun begitu, keputusan Ujian 5 juga memperlihatkan bahawa selain daripada mengalami kesulitan untuk mengujarkan bunyi vokal yang berbeza dengan BM, subjek juga melakukan kesilapan di dalam pengujaran bunyi vokal yang juga terdapat dalam BM. Seperti yang telah dibincangkan dalam 7.1.5., kesulitan berpunca daripada sistem ejaan yang digunakan bagi mewakili bunyi vokal BP berbeza dengan sistem ejaan BM. Ini menunjukkan bahawa perbezaan aspek-aspek selain daripada sistem fonetik dan fonologi antara bahasa-bahasa yang dibandingkan juga boleh menimbulkan kesulitan di dalam pembelajaran sesuatu bahasa asing.

Analisis yang dijalankan bukan sahaja dapat memperlihatkan sama ada tepat atau tidak ramalan yang telah dibuat dalam AK, tetapi juga dapat memberi gambaran apakah strategi yang telah digunakan oleh subjek apabila berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan bunyi-bunyi BP. Antara strategi yang digunakan untuk memudahkan pembelajaran BP oleh subjek kajian adalah dengan melakukan pemindahan (*transfer*) sistem fonologi BM ke dalam BP. Daripada analisis Ujian 7, kita dapat melihat bahawa subjek menambah bunyi vokal selepas konsonan [j] pada akhir kata yang menjadikan kehadirannya tidak lagi pada lingkungan akhir kata tetapi pada lingkungan tengah kata.

Dalam BM, konsonan [j] hanya boleh hadir pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Ini menunjukkan bahawa subjek telah memindah peraturan distribusi fonem BM ke dalam BP.

Strategi pemindahan ini juga digunakan di dalam penyebutan perkataan BP. Bunyi-bunyi vokal BP diwakili oleh berbagai-bagai bentuk ejaan. Ini menyukarkan penyebut perkataan-perkataan BP oleh subjek. Keputusan ujian pengeluaran bunyi vokal menunjukkan terdapat pemindahan cara sebutan perkataan BM ke dalam BP, yakni perkataan disebut mengikut ejaannya. Ini dapat dilihat dalam penyebutan perkataan *huit* [ʔit] yang disebut sebagai *[huit], *quand* [kã] yang disebut sebagai *[kuan] dan *coauteur* [kootœR] yang disebut sebagai *[koawter].

Selain strategi pemindahan, analisis juga menunjukkan bahawa subjek kajian telah menggunakan strategi generalisasi melampau (*overgeneralization*) dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Penggunaan strategi ini dapat dilihat daripada variasi jawapan yang diberikan oleh subjek dalam Ujian 3 (c). Daripada jawapan Ujian 3(c), didapati bahawa subjek kajian membuat generalisasi yang melampau terhadap bunyi rangkap konsonan yang hadir pada lingkungan akhir kata BP. Contohnya, subjek menambahkan beberapa bunyi konsonan seperti *[lgi], *[lch] dan *[lkch] bagi rangkap [lʒ] dalam perkataan [bɛlʒ] yang hanya mengandungi urutan dua bunyi konsonan sahaja.

7.3. KESIMPULAN

Secara ringkas, dapat dikatakan bahawa AS dan AK adalah saling berkaitan di dalam kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. AK dalam Bab 6 telah meramalkan masalah yang mungkin timbul di dalam pembelajaran bahasa sasaran dengan mengambil kira perbezaan dan persamaan yang terdapat antara bahasa pertama dan bahasa sasaran yang dibandingkan tersebut. Perbezaan-perbezaan ini dikatakan akan menjadi gangguan dan menimbulkan masalah kepada pelajar apabila mempelajari bahasa tersebut.

Dapatan daripada AS yang telah dijalankan ke atas subjek telah memperlihatkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu berkaitan dengan sistem fonetik BP. Keputusan ujian-ujian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa kebanyakan ramalan masalah yang telah dibuat dalam bab terdahulu adalah tepat. Namun begitu, dalam analisis ini, kita bukan sahaja dapat melihat jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu tetapi juga strategi yang digunakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Namun begitu, ahli linguistik yang terlibat dengan AS berpendapat bahawa bukan semua kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berpunca daripada perbezaan-perbezaan tersebut. Dapatan AS yang dijalankan juga telah menunjukkan bahawa kesulitan boleh berpunca daripada faktor-faktor lain seperti gangguan bahasa kedua dan sistem ejaan bahasa sasaran yang lebih kompleks daripada bahasa pertama.

Kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian yang tidak berpunca daripada perbezaan yang terdapat antara bahasa pertama dan bahasa sasaran boleh dikaitkan dengan

proses yang berlaku di dalam kotak hitam seperti yang dikemukakan oleh Hayati (1997) dan George (1983). Input bunyi-bunyi BP yang diterima oleh pelajar diproses di dalam minda mereka dengan dipengaruhi oleh perkara-perkara lain yang terdapat di persekitaran mereka seperti aspek fizikal dan mental. Aspek-aspek ini mempengaruhi cara mereka memproses input dan seterusnya mengeluarkan output tersebut.